



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ANALISIS NILAI DASAR KEBUDAYAAN NEGARA DITERAPKAN DALAM NAZAM
WARISAN

NUR AQILAH BINTI MARUDIN

C20A1221

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- SULIT Dari tarikh.....sehingga.....
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Nur Aqilah Binti Marudin
C20A1331
Tarikh: 10 /2 / 2024

Tandatangan Penyelia

Dr.Nordiana Binti Ab Jabar
Tarikh: 10 /2 / 2024

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Maha Penyayang dan Maha Pemurah

Terlebih dahulu, bersyukur ke atas hadrat ilahi kerana dengan limpahan dan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada kami untuk menyiapkan tugas kerja kursus ini dengan penuh jayanya. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada pensyarah kursus subjek CFT 4134 Projek Penyelidikan 2 iaitu Dr Nordiana binti Ab Jabar kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Selain itu, tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan dorongan dalam membantu dan membimbing dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam memberi sokongan dan dorongan yang sewajarnya kepada kami dalam menyiapkan tugas berkumpulan ini. Tanpa sokongan dan semangat yang diberikan oleh mereka, tugas ini tidak akan berjalan dengan lancar.

Akhir sekali, diharapkan tugas ini dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar serta memberi manfaat bukan sahaja kepada kami yang telah menyiapkan tugas ini bahkan kepada pembaca-pembaca yang ingin menjadikan tugas kami sebagai rujukan. Harapan kami adalah setiap ilmu yang dipelajari dapat digunakan pada masa akan datang.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	3
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	7

1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Kesimpulan	11
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS		
2.1	Pengenalan	12
2.2	Kajian Lepas Mengenai Dasar Kebudayaan Negara	13
2.3	Kajian Lepas Mengenai Nazam	16
2.4	Kesimpulan	19
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		
3.0	Pengenalan	20
3.1	Reka Bentuk Kajian	20
3.1.1	Dokumentasi	21
3.2	Cara Pengumpulan Data	22
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	23

3.2.2	Kaedah Internet	23
3.2.3	Analisis Dokumen	24
3.2.4	Temu bual	25
3.3	Kesimpulan	26
	Kerangka Konsep	27

BAB 4 : ANALISIS OBJEKTIF DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	28
4.1	Analisis nilai-nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara yang dapat diterapkan dalam teks Nazam Warisan	29
4.1.1	Nilai Kerohanian	29
4.1.2	Nilai Budi	30
4.1.3	Nilai Muafakat	32
4.1.4	Nilai Kemuliaan Ilmu	34
4.1.5	Nilai Kesaksamaan	35
4.1.6	Nilai Kesejahteraan	36

4.1.7 Nilai Kesetiaan	37
4.1.8 Nilai Kejujuran/ Tulus Ikhlas	38
4.1.9 Nilai Keindahan	39
4.1.10 Nilai Kebersihan	40
4.2 Menganalisis perspektif kepelbagaian tema dalam Nazam Warisan	
4.2.1 Tema Keagamaan	42
4.2.2 Tema Kepimpinan	43
4.2.3 Tema Keilmuan	44
4.2.4 Tema Nilai	44

BAB 5 : RUMUSAN

5.1 Pengenalan	48
5.2 Rumusan	48
5.3 Implikasi Kajian	49
5.4 Cadangan Kajian	49
5.5 Kesimpulan	51
RUJUKAN	52

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Analisis Nilai Dasar Kebudayaan Negara Diterapkan Dalam Nazam Warisan

ABSTRAK

Nazam merupakan puisi lama yang berasal daripada puisi Arab yang telah wujud pada 100 tahun dahulu. Nazam merupakan gubahan puisi seperti sajak dan syair. Menurut Kamus Attulab Arab Melayu (1994), nazam membawa maksud merangkai, mengarang, menyusun dan mengatur. Puisi Nazam berasal daripada Kesusasteraan Arab-Parsi. Nazam ini telah dibawa oleh alim ulama yang menyebarkan agama Islam di alam Melayu. Dasar Kebudayaan Negara yang telah diwujudkan pada tahun 2021 adalah usaha bagi menjulang serta memartabatkan seni, budaya dan warisan negara dan harus dipelihara. Menerusi DAKEN ia mempunyai beberapa teras utama antaranya yang difokuskan adalah teras nilai budaya tinggi yang ingin diterapkan dalam masyarakat. Nilai yang membawa maksud darjat, kualiti, mutu atau taraf adalah perkara yang sentiasa dipandang tinggi dalam masyarakat dalam membentuk pembangunan kemajuan negara.

Kata Kunci : Nazam, Dasar Kebudayaan Negara, nilai

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Analysis of National Cultural Policy Values Applied in Nazam

ABSTRACT

Nazam is an old poem that originated from Arabic poetry that existed 100 years ago. Nazam is a composition of poetry such as poetry and poetry. According to Attulab Malay Arabic Dictionary (1994), nazam means to arrange, compose, organize and organize. Nazam's poetry comes from Arabic-Persian Literature. This Nazam was brought by religious scholars who spread Islam in the Malay world. The National Cultural Policy that has been created in 2021 is an effort to promote and dignify the art, culture and heritage of the country and should be preserved. Through DAKEN it has several main cores, among which the focus is the core of high cultural values that want to be applied in society. Values that mean rank, quality, quality or standard are things that are always held in high esteem in society in shaping the development of national progress.

Keywords: Nazam, National Cultural Policy, values

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Nazam diambil daripada istilah bahasa Arab yang membawa kepada gubahan puisi. Nazam merupakan sebuah puisi yang berkaitan dengan unsur Islam yang telah berkembang di Alam Melayu pada awal abad ke 15. Nazam telah digunakan dalam menyampaikan pengajaran, nasihat serta panduan kepada pemerintah. Fungsi nazam digunakan dalam bercerita dengan berlagu, bersajak atau bersyair. Nazam ini juga selalu disampaikan dalam bentuk acara-acara keagamaan antaranya seperti maulid rasul, khatam al-Quran, sambutan awal muharam dan lain-lain. Tema nazam boleh diperlihatkan dalam pelbagai tema contohnya seperti yang terdapat dalam teks kajian Nazam Warisan iaitu dari segi persoalan tentang keagamaan, pendidikan, keilmuan, kasih sayang, kebudayaan, alam sekitar dan patriotik. Nazam dilihat lebih menekankan kepada konsep nasihat dengan menerapkan nilai-nilai yang membawa kepada kebaikan. Nilai dalam diri seseorang individu dilihat merujuk kepada tingkah laku manusia dalam membentuk corak keperibadian mereka.

Dasar Kebudayaan Negara ini juga dibentuk bagi menyokong wawasan kemakmuran bersama ke arah membentuk Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu dengan menampilkan identiti dan keperibadian kebangsaan. DAKEN dijadikan panduan serta rujukan dengan mengutamakan elemen budaya dalam program pembangunan negara. DAKEN dilihat diterapkan dalam negara bagi mewujudkan sebuah negara yang mempunyai budaya nilai yang tinggi dengan elemen utamanya iaitu tatasusila, tatacara, tahap keintelektualan serta amalan nilai-nilai murni. Antara nilai-nilai bersama yang menjadi pendukung kepada budaya nilai tinggi yang terdapat pada Dasar Kebudayaan Negara mempunyai 10 nilai antaranya kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran, keindahan dan kebersihan.

Setiap pengarang mempunyai daya kreativiti yang tersendiri dalam menghasilkan kepelbagaian tema karya bagi dapat memberikan sumber nasihat dan pengajaran kepada semua peringkat tidak kira rakyat mahupun pemimpin. Selain itu, dengan nilai yang diterapkan dalam DAKEN ini juga dilihat dapat membentuk pembangunan negara dengan budaya dan warisan negara yang akan terpelihara dan disanjung tinggi. Hasil kepengarangan dalam menulis sesebuah teks karya mempunyai asas pendidikan yang tinggi dengan membuat rujukan dan kajian mengenai sesuatu bahan yang ingin dihasilkan. Ini boleh dilihat daripada karya Nazim Subari yang menghasilkan teks Nazam Warisan yang sarat dengan kepelbagaian tema. Dalam karya itu juga memperlihatkan Nazim Subari ingin memperkembangkan nazam sepanjang zaman supaya ia tidak ketinggalan dalam arus pemodenan kini. Oleh itu, kajian ini adalah bagi mengkaji mengenai nilai-nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara yang dapat diterapkan bersama dalam teks Nazam Warisan karya kepengarangan Nazim Subari.

1.1 LATAR BELAKANG

Pada era kemodenan kini, puisi nazam dilihat semakin ketinggalan dalam pembangunan negara yang menuju ke arah negara maju. Dalam bidang kesusasteraan Melayu hari ini haruslah memartabatkan puisi nazam ini bukan sahaja hanya sekadar pantun, syair, sajak dan gurindam walaupun ia di bawah satu puisi yang sama. Nazam ini juga dapat menjadi kayu ukur dalam mempelajari ilmu Islam bahkan ia dapat membentuk keperibadian diri dan keharmonian masyarakat dalam membentuk sebuah negara yang mempunyai nilai budaya yang tinggi. Puisi Melayu Tradisional merupakan satu cabang yang telah menjadi warisan khazanah bagi budaya Melayu, Bentuk tradisional Melayu adalah bersifat bebas dan terikat. Masyarakat Melayu dilihat mempunyai ciri-ciri yang kreatif dalam mencipta dan menghasilkan kepelbagaian jenis puisi.

Nazam merupakan sebuah warisan puisi Melayu bertulis berunsurkan Islam yang mula bertapak di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam. Latar belakang nazam berasal daripada Parsi yang telah dibawa sehingga ke negeri Melaka akibat daripada tujuan perniagaan dan perdagangan di Tanah Melayu. Daripada tujuan itu, maka telah tersebar pengajaran dan pembelajaran dalam mendalami ajaran Islam kepada penduduk setempat antaranya dengan memperkenalkan kitab suci Al-Quran, Hadis, Tauhid, Fekah, Tasawuf serta Tajwid. Selain itu, telah diperkenalkan juga kitab berzanji yang mengandungi pengaruh puisi arab iaitu Nazam, Syair, Berzanji, Nasyid, Qasidah dan Marhaban. Menurut pengasas nazam dari Melaka menyatakan nazam ini telah dibacakan dalam versi bahasa arab. Nazam ini telah dibaca dengan menggunakan lagu irama yang tertentu. Hal ini disebabkan masyarakat dahulu tidak tahu membaca dan menulis menyebabkan mereka.

terpaksa menghafal nazam tersebut yang sering dinyanyikan dalam majlis-majlis tertentu. Menurut Wahyuni (2018), tema nazam dilihat mempunyai kepelbagaian antaranya tentang persoalan keagamaan, pendidikan dan keilmuan. Karya nazam dilihat telah banyak dihasilkan dan dibuat kajian oleh tokoh-tokoh terdahulu. Tokoh bagi nazam iaitu Allahyarham Tuan Haji Muhammad Abdullah dan Allahyarham Tuan Haji Mohd Yasin telah mencipta puisi nazam bagi mengadakan sesuatu peristiwa serta perkara semasa antaranya sejarah, majlis-majlis perasmian, majlis perpisahan dan sebagainya.

Kajian ini telah menerapkan nilai-nilai yang bukan sahaja berunsurkan Islam bahkan isu-isu semasa yang dapat dikaitkan dengan kehidupan seharian masyarakat serta pembangunan negara. Oleh itu, dengan penerapan nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara dalam teks nazam ini dapat memberi unsur nasihat dan pengajaran yang boleh membentuk wawasan negara bahkan dapat memartabatkan penghasilan nazam yang seimbang dengan kepelbagaian tema yang dihasilkan. Hal ini dapat dilihat daripada hasil kepengarangan yang dihasilkan oleh Nazim Subari dalam teksnya iaitu Nazam Warisan yang memperlihatkan kepelbagaian tema antaranya keagamaan, kasih sayang, kekeluargaan, patriotik dan pendidikan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilihat isu yang dikaji bagi menyelesaikan permasalahan masalah dengan menggunakan kaedah saintifik dan penyelidikan. Penyelidikan terhadap kajian ini adalah dalam meneliti unsur nilai yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara yang dapat diterapkan dalam teks nazam untuk memberikan unsur nasihat kepada masyarakat. Pada zaman kemodenan kini, masyarakat dilihat kurang memahami dan menyampaikan kegunaan nazam dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, pengarang perlu mengangkat kembali penulisan nazam yang dilihat semakin luntur dalam kehidupan sastera tanah air kini. Dalam kajian juga, penggunaan nazam perlu dijalankan atau dilaksanakan di majlis-majlis tertentu untuk generasi seterusnya mengetahui kegunaan nazam yang dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat dalam memberi nasihat serta pembangunan sesebuah negara.

Justeru itu, pengarang juga cuba menaikkan kembali penggunaan nazam dengan beberapa langkah. Antaranya adalah dengan mengadakan upacara atau majlis yang dapat menggunakan penggunaan nazam tersebut sebagai fungsi yang dapat menarik minat masyarakat. fungsinya kepada masyarakat adalah dapat mendendangkan anak-anak tidur dalam kenduri, perkahwinan dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya kepelbagaian fungsi nazam ini mampu menjadikan penggunaan nazam ini tidak ketinggalan zaman kepada generasi baru untuk mengaplikasikan perkara tersebut dalam kehidupan seharian masyarakat.

Oleh demikian itu, pengarang juga mestilah meneliti kepelbagaian tema yang dapat digunakan selain daripada unsur Islam terutamanya berkaitan dengan isu semasa juga digalakkan antaranya dalam pembangunan wawasan negara seperti nilai bersama

yang terdapat dalam DAKEN. Antaranya seperti 10 nilai bersama yang terdapat dalam DAKEN iaitu kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran atau tulus ikhlas, keindahan dan kebersihan. Dengan kepelbagaian tema yang dilaksanakan dalam penulisan sebuah nazam ia dapat meneliti secara umum fungsi yang dapat memberikan sumber nasihat serta pengajaran kepada masyarakat dan pembentukan negara yang lebih maju. Dalam kajian ini terdapat tiga permasalahan utama yang dikesan oleh pengkaji :

1.2.1 Pengkaji mengenalpasti kesukaran dalam memahami dan melaksanakan kegunaan nazam dalam kehidupan seharian masyarakat.

1.2.2 Pengkaji menganalisis serta meneliti langkah-langkah kegunaan nazam yang dapat menarik minat masyarakat.

1.2.3 Pengkaji dilihat kurang mendapat pendedahan dan memahami Dasar Kebudayaan Negara

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi tiga persoalan :

1. Apakah nilai-nilai DAKEN yang dapat diterapkan dalam penulisan nazam berdasarkan dari sudut kepelbagaian tema di dalam nazam.
2. Bagaimana penggunaan nazam dapat menerapkan unsur nasihat dan pengajaran dalam kalangan masyarakat kini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merangkumi tiga objektif :

1. Mengenalpasti nilai-nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara dapat diterapkan dalam teks nazam warisan.
2. Menganalisis perspektif kepelbagaian tema dalam Nazam Warisan

1.5 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara dapat diterapkan dalam teks Nazam Warisan. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenalpasti nilai-nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara dapat diterapkan dalam teks Nazam Warisan, menganalisis perspektif nilai keagamaan dalam teks Nazam Warisan dan menghuraikan kepengarangan Nazim Subari dalam penghasilan teks Nazam Warisan. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan menerapkan nilai yang membawa masyarakat kepada perkembangan budaya yang lebih baik dan perkembangan negara yang maju menerusi Dasar Kebudayaan Negara yang telah dilakukan. Berdasarkan teks Nazam juga memperlihatkan tidak hanya menekankan unsur keagamaan semata-mata namun ia lebih

menyeluruh termasuklah berkaitan dengan pemimpin, suara rakyat, perpaduan dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya nilai yang diterapkan melalui DAKEN ke dalam teks Nazam ini memperincikan lagi sumber maklumat yang boleh dinyatakan kepada rujukan pembaca dan masyarakat.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bagi melihat unsur nilai yang diterapkan dalam teks Nazam Warisan menerusi nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara. Nilai yang terdapat dalam DAKEN adalah tidak bercanggah dengan nilai agama Islam iaitu yang berkaitan budaya peribumi, budaya bawaan serta budaya sezaman. Pernyataan dasar dalam DAKEN ini telah dilihat mempunyai nilai budaya yang tinggi serta amalan murni dalam agama.

1.6.1 Kepentingan kepada Individu

Kepentingan kajian kepada individu adalah dapat memahami nilai Dasar Kebudayaan Negara yang dapat diterapkan dalam nazam warisan hasil kepengarangan Nazim Subari. Selain itu, individu dapat menerapkan nilai-nilai dalam diri mereka sendiri bagi membentuk insan yang berguna kepada masyarakat dan juga negara.

1.6.2 Kepentingan kepada masyarakat

Kepentingan kajian kepada masyarakat adalah dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kelebihan nilai yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) mampu untuk memupuk masyarakat agar saling membangunkan bersama budaya yang terdapat dalam negara. Selain itu, dengan penerapan nilai kepada masyarakat dapat membentuk keharmonian dan kesejahteraan dalam satu kelompok masyarakat.

1.6.3 Kepentingan Kepada Universiti

Kepentingan kajian kepada universiti adalah dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari dan memahami sebuah nilai nasihat yang dapat diterapkan dalam nazam. Selain itu, kepentingan kajian adalah sesuai untuk dijadikan rujukan dan membantu pelajar yang menjalankan penyelidikan berkaitan nilai Dasar Kebudayaan Negara dan berkaitan penulisan nazam. Dengan adanya kajian ini juga dapat menggalakkan penubuhan kelab sastera dalam sesebuah universiti yang bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang menguasai kemahiran berbahasa, mencipta puisi dan sebagainya.

1.6.4 Kepentingan kepada Negara

Kepentingan kajian ini kepada Negara juga adalah dapat mengubah perspekti masyarakat bahawa nilai dalam Dasar Kebudayaan Negara dapat membangunkan nilai budaya yang tinggi terhadap keharmonian sesebuah negara. Rakyat juga dapat mempelajari ilmu dalam membentuk hala tuju negara Malaysia sebagai Negara Maju Rakyat Berbudaya berdasarkan budaya nilai tinggi.

1.7 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, nazam merupakan karya puisi sastra yang boleh diperluaskan teksnya dari kepelbagaian tema bukan hanya unsur keagamaan sahaja bahkan dengan menggunakan pendekatan nilai yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang lebih luas kepelbagaian tema boleh diterapkan di dalam nazam. Penerapan nilai bersama yang terdapat dalam DAKEN menjadikan kajian yang ingin dikaji ini telah mempunyai kepelbagaian tema yang dihasilkan antaranya seperti nilai moral, nilai keindahan, nilai sosial, nilai pendidikan dan sebagainya. Dalam aspek ini, nilai yang terdapat dalam DAKEN dilihat menjadi faktor yang utama dalam menyampaikan mesej dalam teks kajian ini dengan membangunkan wawasan negara dengan menerapkan konsep budaya yang tinggi dalam masyarakat. Tema teks yang ingin disampaikan mestilah ditonjolkan dengan mesej-mesej yang mampu memberikan unsur nasihat dan pengajaran kepada masyarakat serta kepada pembentukan negara bangsa.

Selain itu juga, kepengarangan penulis dalam mencipta sesebuah karya puisi perlu mempunyai pengetahuan dan pendidikan untuk dipersembahkan kepada generasi baru bagi mereka lebih terdedah dengan penghasilan karya yang lebih bermutu. Oleh itu, amat penting dalam mencapai matlamat kepengarangan sesebuah karya puisi untuk memberikan mesej serta cara pengarang ingin menjelaskan tentang kebaikan dan faedah yang dapat diperolehi menerusi sumber pembacaan teks. Hasil kepengarangan Nazim Subari dalam teks Nazam Warisan ini adalah bagi membentuk keperibadian insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan rohani. Selain itu juga, karya yang dihasilkan oleh Nazim Subari ini juga mempunyai nasihat dalam membentuk akhlak, sikap dan keperibadian yang terpuji.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan tajuk kajian iaitu Nilai Dasar Kebudayaan Negara dalam Nazam Warisan karya Nazim Subari. Sorotan kajian lepas ini dijadikan sebagai bahan sokongan bagi membuat kajian ini. Daripada kajian ini, pengkaji dapat membuat rumusan berdasarkan kajian lepas bagi dijadikan panduan untuk menambahkan idea dalam menyiapkan tajuk bagi tugas yang ingin dikaji. Hal ini demikian dapat membuktikan kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengarang mempunyai bahan bukti yang jelas dalam memberikan bimbingan kepada pengkaji. Kajian kali ini memperlihatkan analisis terhadap nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara dan juga nilai dari kepelbagaian tema daripada teks Nazam Warisan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini juga berkaitan dengan cara atau langkah dalam membentuk sesebuah negara bagi menyemai nilai kebudayaan yang tinggi serta nilai yang positif dari kalangan masyarakat dalam sesebuah negara.

Pembangunan negara dilihat juga daripada pembangunan aspek kebudayaan. Oleh itu, permasalahan dalam sesebuah juga dilihat daripada kehidupan sosial dan kebudayaan

masyarakat di dalam sesebuah negara. Matlamat pembangunan sesebuah negara juga melibatkan pendirian masyarakat iaitu kesetiaan dalam mempertahankan negara yang

dibentuk daripada kepelbagaian kaum, agama dan lapisan hidup masyarakat. Kepincangan dalam kehidupan rakyat di dalam sesebuah negara bukan hanya dilihat daripada sektor dasar ekonomi semata-mata namun juga daripada pembangunan kebudayaan dalam kalangan masyarakat. Antaranya dapat dilihat daripada contoh fungsi Rukun Negara yang telah menjadi kebiasaan kepada rakyat untuk dijadikan panduan dan ikutan dalam membentuk kesedaran nilai dan norma kebudayaan yang tinggi dalam kehidupan masyarakat.

2.2 Kajian lepas mengenai Nilai Dasar Kebudayaan Negara

2.2.1 Tesis

Dasar merujuk kepada peraturan atau amalan yang perlu menjadi ikutan masyarakat dalam sesebuah negara. Menurut Yusof Ismail (2007), Dasar Kebudayaan Negara mengambil kira prinsip-prinsip yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal dan ditubuhkan pada tahun 1971 dan mengambil perkembangan kepelbagaian budaya semasa di Malaysia. Antara prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau, unsur kebudayaan yang lain yang sesuai dan boleh diterima menjadi Kebudayaan Kebangsaan serta agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kewujudan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini dibentuk selari

dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dasar Kebudayaan Negara ini juga bagi memastikan keharmonian masyarakat di dalam sesebuah negara dikekalkan dan dikecapi. Dasar ini dibentuk bagi memperkukuhkan lagi perpaduan bangsa dan negara sekaligus dapat memelihara keperibadian budaya negara.

Dasar Kebudayaan Negara ini juga mengambil kira peranan penting yang boleh diambil kepada semua pihak. Antaranya semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat di dalam sesebuah negara dalam mewujudkan keharmonian sejagat. Hal ini demikian, masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik perlu memahami serta mewujudkan Dasar Kebudayaan Negara dalam sesebuah negara bagi menjadi lebih kukuh dengan pembentukan negara yang dapat mewujudkan identiti nasional. Penerapan kewujudan identiti nasional dapat mengelakkan daripada berlakunya jurang perbezaan diantara kaum di dalam sesebuah negara yang harmoni. Sekiranya dasar ini tidak diamalkan dan difahami menjadikan tiada unsur persafahaman dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Antaranya seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang telah berlaku akibat permasalahan sosial dan kebudayaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat sesebuah negara.

Di Malaysia, etnik perkauman merupakan aspek penting dengan mewujudkan dari segi kepercayaan terhadap agama, bahasa, ekonomi, politik serta bentuk kediaman. Hal ini demikian kerana di sesetengah negara telah mengalami amalan diskriminasi yang menyebabkan tercetusnya peperangan akibat daripada perbezaan kaum. Kedudukan Malaysia masih lagi terkawal walaupun dahulu telah berlaku peristiwa 13 Mei 1969 yang telah mengganggu gugat keamanan negara disebabkan isu sensitif yang menyebabkan berlaku ketidakpuashatian oleh sesebuah kaum antaranya seperti isu kepala lembu diarak, kepala babi di dalam masjid dan sebagainya. Oleh itu, rakyat di Malaysia perlu bersyukur kerana berada di sebuah negara yang aman tanpa sebarang percetusan berlaku di dalam negara. Rakyat dalam sesebuah negara perlu

menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat- menghormati, bantu-membantu, sikap toleransi dan keharmonian dalam masyarakat. bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelbagai kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pelbagai langkah turut dilakukan antaranya seperti mengadakan rumah terbuka pada hari perayaan setiap kaum, kewujudan sekolah kepelbagaian kaum dan sebagainya. Langkah tersebut dilakukan bagi memberi kesamarataan serta memupuk persefahaman di antara kaum. Pembangunan perancangan kebudayaan merupakan aspek penting dalam rakyat berbilang kaum seperti di Malaysia bagi pembentukan bangsa yang mempunyai sifat yang terbaik dan mulia. Hal ini demikian dapat dilihat sesebuah negara bangsa akan membangun melalui kebudayaan kebangsaan negara yang diwujudkan. Melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan 16 Ogos 1971 yang telah dirasmikan oleh perdana menteri Malaysia iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menyatakan tentang konsep Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Antaranya beliau telah menyatakan tentang konsep ini telah diasaskan oleh nenek moyang terdahulu dengan meninggalkan kebudayaan masyarakat di rantau ini. Melalui Dasar Kebudayaan negara memperlihatkan juga identiti nasional yang merupakan aspek penting dalam penyatuan masyarakat sesebuah negara. Menurut Dahbour (2002), identiti sosial merupakan sebuah komuniti masyarakat yang yang berkongsi jalur keturunan yang sama. Menurut Penyata Razak menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai amat diperlukan terutamanya dalam sistem pendidikan, komunikasi dan sebagainya. Oleh itu, dengan nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara dilihat mampu untuk membentuk sebuah negara yang harmoni dengan penerapan identiti nasional.

2.3 Kajian mengenai Nazam

2.3.1 Tesis

Nazam merupakan sebuah puisi yang berasal daripada kesusasteraan Arab. Oleh itu, nazam diambil daripada perkataan arab yang mempunyai persamaan dengan syair dan sajak iaitu bercerita dengan lagu, bersajak atau bersyair. Nazam dalam Kamus al Munawwir membawa maksud merangkai, mengarang, menyusun dan mengatur. Dalam Kamus Bahasa Minangkabau (Jakarta, 1935), nazam disebut dan disama ertikan dengan nalam yang berfungsi sebagai bahan untuk bercerita terutamanya mengenai tentang perihal agama yang boleh dijadikan nasihat serta pengajaran yang bermanfaat dalam kehidupan. Menurut Hoesin (2006: 18), nazam juga tekandung dengan perkara mengenai kehidupan Rasulullah antaranya pesanan yang berupa nasihat yang dapat membentuk jiwa masyarakat. Nazam mempunyai kepelbagaian persoalan antaranya merangkumi aspek utama iaitu keagamaan, pendidikan, keilmuan yang juga bertemakan kepada nasihat dan akhlak yang untuk diberikan kepada masyarakat.

Menurut Pateda (2001:79), nazam mempunyai makna yang berupa kata-kata serta istilah yang mengelirukan. Makna yang disampaikan mempunyai erti pandangan atau terjemahan yang ingin disampaikan secara umum. Nazam mempunyai persamaan dengan syair, gurindam, pantun dan sebagainya yang mempunyai bentuk, bait dan irama. Oleh itu, nazam ini telah digunakan dengan lagu serta irama yang tertentu dengan menggunakan bahasa yang sesuai. Nazam juga berisi dengan nasihat dan petua yang dapat dikaitkan dengan nilai-nilai keagamaan yang dapat diterapkan di dalam nazam. Nazam juga diambil daripada nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam Nazam Aceh.

Selain itu, nazam juga telah diperkenalkan di Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini demikian kerana pada zaman dahulu telah berlaku aktiviti perdagangan dan perniagaan yang melibatkan beberapa buah negara. Nazam telah dibawa daripada pedagang serta alim ulama yang telah menyebarkan agama Islam di Tanah Melayu. Oleh itu, penyebaran Islam juga telah berlaku menyebabkan munculnya kepelbagaian ajaran dilakukan. Nazam telah digunakan dalam menyampaikan ajaran Islam, sejarah, mengajar hukum serta diselitkan juga dengan kisah para nabi. Nazam juga mempunyai kepelbagaian tokoh yang telah mengarang penulisan nazam terutamanya di negeri Melaka. Mengambil daripada contoh nazam Kampar dari Indonesia pula memperlihatkan genre nazam ini menekankan kepada acara-acara keagamaan serta adat untuk dijadikan pendidikan non-formal kepada masyarakat dan sebagai media hiburan. Nazam Kampar ini merupakan puisi Melayu Tradisional bertulis dan masih wujud dan aktif sehingga kini. Menurut Ermi Marita (1996 : 15), nazam Kampar terdiri daripada 4 baris se bait dengan pola variasinya terdiri dari aa-aa, ab-ab, ab-bb dan abcd. Berbeza pula nazam di Malaysia menurut Harun Mat Piah (1989 : 295) yang dilihat terdiri daripada 2 baris se bait, 5 hingga 6 kata dan 10-11 suku kata dengan pola variasinya pula adalah aa-aa, a-b, b-b dan b-c. Nazam di Malaysia dilihat menekankan tentang kehidupan nabi Muhammad SAW bersama bersama ahli keluarganya, mukjizat yang diperolehi serta kehidupan ketika kecil sehingga baginda wafat. Selain itu juga, terdapat isi dalam nazam tersebut menyatakan tentang ilmu tauhid, ilmu fiqh dan rukun iman. Nazam Kampar juga dilihat isi yang ingin disampaikan tidak kurang sama iaitu mengenai penceritaan kehidupan nabi Muhammad SAW serta ilmu agama Islam. Namun tajuk yang telah ditemui dalam nazam Kampar dilihat menceritakan lebih menyeluruh tentang kehidupan nabi merangkumi Nazam nabi lahir, becukur, berhempas, berniaga, Israk Mikraj dan nabi wafat.

Nazam merupakan karya sastera Melayu lama yang telah mempunyai pengaruh daripada karya sastera Arab dari segi konsep, struktur serta penggunaannya. Nazam berasal

daripada kesusasteraan Arab yang muncul daripada penyebaran Islam di Nusantara pada abad ke 15 - 16 M yang telah dibawa oleh pedagang arab serta ahli agama. Dengan kedatangan Islam telah banyak berlaku perubahan antaranya tradisi lisan ke tulisan. Menurut Kamus Diwan (1994 : 858), nazam merupakan sebuah penulisan puisi yang disama ertikan dengan syair dan sajak. Manakala istilah bernazam pula sebuah penceritaan yang dilakukan secara berlagu, sajak atau puisi. Tema nazam juga merangkumi nilai keagamaan, ilmiah dan memberi pendidikan kepada masyarakat bermotifkan pembentukan kearifan dan akhlak yang baik.

Nazam Minangkabau di Nusantara dapat dilihat mempunyai banyak naskah- naskah yang terdahulu yang telah ditulis sendiri oleh ulama-ulama mereka dengan menekankan tentang kisah Islam serta pahlawan Islam yang berbentuk syair atau nazam. Nazam di Minangkabau Menurut Pramono (2006 : 7), naskah yang ditulis dan disalin dijadikan sebagai alat untuk menyebarkan pengajian serta mengkritik pendapat orang lain yang mempunyai tanggapan yang salah mengenai Islam dan keadaan sosial. Melalui Nazam Usiat menekankan tentang nilai-nilai kehidupan masyarakat pada masa kini. Dalam sesebuah naskah di Nusantara juga mempunyai kandungan mengenai aspek politik, ekonomi, sosial, budaya, agama dan sebagainya. Daripada sumber naskah tersebut ia dapat memberi kefahaman tentang khazanah serta sejarah kehidupan masyarakat terdahulu. Antara naskah yang terkenal adalah “ Nazam Nasihat Kehidupan” yang menerapkan nasihat tentang kehidupan di dunia juga di akhirat kelak.. Dapat dilihat daripada teks Nazam Nasihat Kehidupan ini menekankan kepada unsur nasihat. Menurut Kamus Besar

Bahasa Indonesia, nasihat membawa maksud kepada sesuatu ajaran, saranan, petunjuk, peringatan, teguran serta pelajaran yang baik terdapat dalam sesebuah cerita.

2.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dilihat melalui sorotan kajian ini yang adalah bagi mendedahkan mengenai kajian-kajian lepas yang dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji dalam mengkaji sesebuah tajuk kajian yang ingin dijalankan. Oleh itu, dengan adanya sumber kajian lepas ini juga dapat memberikan maklumat dan panduan yang jelas dalam menghasilkan idea pemikiran yang baharu dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini memperlihatkan bagaimana aspek nilai dapat membentuk keperibadian budaya yang tinggi dalam membentuk nilai yang positif dalam kalangan masyarakat justeru dapat membentuk sesebuah negara yang harmoni. Melalui penerapan kebudayaan ia dapat mendidik masyarakat untuk menghayati dan memahami tentang elemen nilai murni yang harus diterapkan dalam membentuk semangat patriotisme, cinta kepada negara dan semangat kebangsaan Malaysia yang akhirnya juga dijadikan warisan budaya yang akan diwarisi oleh generasi akan datang.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi dalam sesebuah kajian digunakan untuk meneliti tujuan yang ingin dicapai oleh pengkaji. Metodologi kajian merupakan kaedah untuk mengumpul data bagi menjawab setiap permasalahan kajian. Dari penelitian tersebut, metodologi kajian merupakan kaedah yang menggunakan kaedah kajian kualitatif yang digunakan dalam menganalisis isi serta mengumpul data yang terdapat dalam objek penelitian. Menurut Sugiyono (2005:1), penelitian terhadap kaedah kualitatif menekankan keadaan objek semula jadi, penelitian terhadap analisis dokumen dan hasil penelitian menekankan makna daripada kesimpulan tentang sesuatu kajian yang dilakukan. Dalam projek penyelidikan, metodologi kajian ini amat penting dengan pengumpulan data yang tepat dan benar. Oleh itu, metodologi kajian ini perlu dirancang dan diaplikasi sebelum dan selepas mengumpul data kajian agar tidak mengalami sebarang kesalahan yang boleh menjejaskan kajian.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk Kajian ini merupakan kaedah kajian yang dijalankan secara kaedah kualitatif. Reka Bentuk kajian dijalankan bagi melihat data diperolehi bagi menjelaskan lebih lanjut tentang sesebuah kajian. Daripada reka bentuk kajian ini lebih memudahkan pengkaji untuk pengumpulan maklumat kajian sebelum menganalisis kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian ini adalah bagi membentuk kaedah kualitatif yang akan menghasilkan pengumpulan data sebagai penciptaan sebuah analisis yang lebih jelas kepada pengkaji. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), reka bentuk kaedah kualitatif mempunyai bentuk deskriptif yang menekankan kata-kata lisan dan secara bertulis dengan melihat tingkah laku manusia yang dapat diperhatikan. Dalam reka bentuk kajian kualitatif digunakan dalam kajian bagi menerangkan serta memahami dengan lebih terperinci mengenai sesuatu permasalahan atau isu kajian yang ingin dikaji. Reka bentuk kajian kualitatif ini mempunyai kaedah dalam pengumpulan data, analisis teks, sumber internet dan sumber kepustakaan. Data kualitatif dilihat dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian kualitatif ini memerlukan pengkaji menganalisis terlebih dahulu kajian sebelum melihat isu yang ingin diketengahkan dalam kajian tersebut. Antaranya seperti nilai dari kepelbagaian tema dalam Nazam Warisan yang dapat dikatkan dengan nilai daripada Dasar Kebudayaan Negara.

3.1.1 DOKUMENTASI

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia menyatakan dokumentasi dapat dilihat pemberian atau pengumpulan bukti untuk memberi keterangan. Kaedah analisis teks kajian merupakan sebuah kajian yang menekankan kepada teks karya puisi atau novel. Antaranya boleh dilihat pengkaji telah membuat kaedah analisis terhadap teks puisi yang bertajuk Nazam Warisan yang telah menerapkan 10 nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara dalam kajian dengan dikaitkan juga tentang penulisan dan kepengarangan Nazim Subari dalam penghasilan nazam. Nazam Warisan ini telah menghimpunkan 71 nazam dengan kepelbagaian tema antaranya keagamaan, kasih sayang, kekeluargaan, patriotik dan pendidikan. Nazam dengan bentuknya yang terikat mengandungi nasihat yang dapat disampaikan bagi memebentuk akhlak, sikap dan keperibadian terpuji. Analisis teks ini berfokus kepada 10 nilai yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara yang dapat dikaitkan dengan kepelbagaian tema merangkumi kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran, keindahan dan kebersihan. Oleh itu, penerapan nilai tersebut dapat membentuk nilai budaya dalam kalangan masyarakat serta pembangunan negara. Selain itu, kepengarangan Nazim Subari dalam penghasilan ini adalah bertujuan mengekalkan puisi teks seperti nazam terutama sekali bagi tidak ketinggalan zaman generasi ke generasi.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah Pengumpulan Data merupakan satu bentuk mengumpul dan mengutip data bagi dianalisis kajian yang ingin dijalankan. Data dalam kaedah kualitatif lebih kepada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Menurut Patton (1990). Data kualitatif menekankan kepada tiga jenis data iaitu dari hasil pemerhatian yang mana merujuk kepada situasi atau kejadian. Manakala, hasil pembicaraan pula merujuk kepada kutipan yang diambil daripada pengalaman dan pemikiran orang lain daripada temubual. Bahan bertulis diambil daripada petikan atau keseluruhan dokumen. Pengumpulan data juga terdiri daripada data primer dan sekunder.

Menurut Yusof (2003), data primer diambil daripada sumber asli atau yang pertama. Manakala, data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji- pengkaji yang lain (Marican 2005). Kaedah dalam pengumpulan data mestilah mempunyai beberapa aspek bagi menyokong kajian antaranya dari segi pemerhatian, temu bual dengan responden, soal selidik serta analisis dokumen. Malah, pengumpulan data ini juga perlu mendapat kesahihan daripada sesuatu sumber yang diperolehi. Pengumpulan data meneliti kajian dengan menggunakan metode deskriptif dan dokumentasi dengan mengumpulkan bahan daripada sumber teks, transkrip, buku, majalah dan lain-lain. Data yang diambil akan dianalisis secara kaedah kualitatif. Pengumpulan data dari kajian ini diambil daripada teks kajian iaitu Nazam Warisan karya Nazim Subari. Selain itu, kajian ini juga mengambil kira bahan lain daripada tesis, jurnal, majalah serta sumber internet yang dapat diterapkan juga dalam kajian ini. Oleh itu, kaedah pengumpulan data sebagai cara untuk menganalisis data berkaitan tajuk kajian yang ingin dikaji.

3.2.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN

Bahan rujukan daripada kaedah kepustakaan meliputi buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal, majalah serta analisis terhadap dokumen. Kajian yang dilakukan melalui kaedah kepustakaan ini lebih banyak kepada pembacaan terhadap kajian teks. Bahan bagi kajian boleh didapati di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan khususnya kepada para pelajar manakala ia juga boleh didapati di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan teks kajian daripada sebuah buku puisi berkaitan dengan Nazam Warisan karya Nazim Subari.

3.2.2 KAEDAH INTERNET

Kaedah Internet juga telah digunakan dalam mendapatkan bahan rujukan terhadap kajian yang ingin dilakukan antaranya seperti Goggle Scholar, Discol UMK (UMK Repository), Myto (Malaysian Theses Online), dan laman web rasmi Dewan Bahasa Dan Pustaka. Oleh itu, dengan adanya kaedah internet ini dapat memudahkan pengkaji untuk mencari sumber rujukan bagi memperkembangkan idea justeru dapat melengkapkan kajian. Sumber rujukan daripada internet juga sah dan tepat agar tidak berlaku penipuan sumber rujukan dan tidak menjejaskan kajian yang dikaji.

3.2.3 KAEDAH ANALISIS DOKUMEN

Kaedah Analisis dokumen menurut Sabitha Marican (2009 : 97 ; Sabbie, 2010 : 332) merujuk kepada kandungan teks, gambar, idea tema, symbol serta mesej yang digunakan dalam komunikasi. Kaedah analisis dokumen merupakan penyelidikan atau kaedah pengumpulan data daripada analisis kandungan yang menekankan kepada huraian objektif melalui mesei komunikasi yang telah dicetak, digambarkan atau disiarkan. Melalui kaedah ini ia dapat memberikan maklumat dengan lebih mudah tanpa unsur penipuan berkaitan isu serta masalah yang ingin dikaji.

Kaedah analisis ini penting bagi menjalankan kajian terhadap tajuk yang ingin dijalankan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menjalankan analisis dokumen terhadap teks dalam Dasar Kebudayaan Negara dan teks Nazam Warisan karya kepengarangan Nazim Subari secara menyeluruh. Melalui analisis dokumen terhadap teks kajian dapat memberikan maklumat kepada pengkaji untuk menganalisis lebih terperinci mengenai nilai Dasar Kebudayaan Negara dengan menerapkan kepelbagaian tema yang boleh diterapkan dalam teks Nazam Warisan.

3.2.4 TEMU BUAL

Temu bual dilihat pengkaji telah membuat temu bual orang mengenai suatu topik atau peristiwa. Kaedah temu bual mempunyai responden untuk ditemubual dan boleh bertukar orang yang di temu bual bagi mendapat jawapan bagi keseluruhan kajian. Temu bual akan dianggap mencapai


objektif kajian apabila responden tidak mengutarakan pendapat yang baru mengenai kajian yang dikaji. Temu bual dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu temu bual mendalam dan temu bual fokus. Temu bual mendalam lebih menekankan kepada garis panduan yang ditetapkan dengan mengambil maklumat daripada responden untuk dijadikan data penting. Tujuan temu bual mendalam ini lebih kepada cara untuk pengkaji memahami pandangan tentang topik kajian, pengalaman atau sesuatu situasi peristiwa terhadap kajian. Hal ini menjadikan pengkaji dapat memahami kajian terhadap sesuatu topik dengan secara mendalam masa lalu responden. Manakala, temu bual berfokus pula lebih kepada strategi untuk lebih difahami terhadap topik kajian dengan menerapkan motivasi, perasaan, tingkah laku serta pendapat terhadap sesuatu isu dalam topik kajian.

Sebelum memulakan sesi temu bual, pengkaji perlu mempunyai hubungan yang baik dengan responden. Antara cara Taylor dan Bogdan dalam kaedah temu bual yang pertama adalah meminta responden untuk menceritakan terlebih dahulu perkongsian mengenai pengalaman, peristiwa dan kaedah penting melalui kisah hidup responden. Selepas itu, responden diminta untuk membuat penulisan kisah hidupnya. Temu bual juga meminta responden menulis kegiatan harian melalui catatan dengan melihat daripada sudut apa, siapa, dimana, bila dan bagaimana ia berlaku. Akhir sekali, pengkaji akan membuat analisis dokumen berdasarkan gambar atau rakaman yang diambil semasa sesi temu bual.

3.3 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dilihat kajian terhadap metodologi kajian ini merupakan aspek penting dalam sesebuah kajian yang ingin dilakukan. Metodologi kajian ini menekankan tentang cara untuk pengkaji memahami topik yang ingin dikaji dengan mengaitkan beberapa isu di dalam kajian justeru menjadikan kajian ini dapat dianalisis dengan jelas dan tepat. Metodologi kajian ini memaparkan bahawa bagi bahan rujukan kajian ini mempermudah lagi pengkaji bagi meneliti setiap analisis yang ingin dilakukan terhadap teks, pengumpulan data, sumber kepustakaan dan sumber internet.

KERANGKA KONSEP



BAB 4:

ANALISIS OBJEKTIF DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dasar Kebudayaan Negara atau dikenali sebagai DAKEN merupakan sebuah gagasan yang telah menyokong wawasan kemakmuran bersama kearah membentuk sebuah negara yang mencapai tahap kemajuan dengan penyatuan masyarakat yang dapat menyerlahkan identiti dan keperibadian kebangsaan. Melalui dasar ini juga, menjadikan prinsip-prinsip dan objektif Rukun Negara sebagai satu bentuk ideologi yang dapat memberikan kefahaman kepada rakyat berbilang kaum untuk memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan dengan jiwa patriotik. Peranan utama DAKEN dalam pembangunan negara adalah dengan menjadi rujukan serta panduan oleh semua pihak dalam mengangkat dan mengutamakan budaya dalam setiap program yang dijalankan.

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian ini merangkumi 2 objektif yang terdiri objektif pertama iaitu analisis nilai-nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara yang

diterapkan dalam teks Nazam Warisan manakala objektif kedua ialah menganalisis perspektif kepelbagaian tema dalam Nazam Warisan. Objektif pertama memperlihatkan akan nilai-nilai

bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara yang terdiri daripada 10 nilai bersama. Antaranya terdiri daripada kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran atau tulus ikhlas, keindahan dan kebersihan. Antara 10 nilai bersama dalam DAKEN ini akan dianalisis merangkumi kepelbagaian tema nazam yang terdapat dalam teks Nazam Warisan

4.1 Analisis nilai-nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara yang dapat diterapkan dalam teks Nazam Warisan.

4.1.1 Nilai Kerohanian

Nilai kerohanian yang terdapat dalam nilai bersama dalam DAKEN merujuk kepada kesedaran tentang nilai-nilai yang terdapat dalam diri manusia yang dapat menngimbangi kehidupan jasmaniah dan akliah bagi membina sifat-sifat insani yang lebih sempurna. Menurut Salasih, Fariza, Che Zarrina (2015) menyatakan tentang pandangan menurut Al-Ghazali yang menjelaskan jika ingin membangunkan diri dan jiwa adalah dari pembersihan jiwa dan juga telah menekankan keseimbangan rohani dan jasmani tanpa tidak memberatkan di antara keduanya. Dari segi nilai kerohanian dapat dilihat daripada teks Nazam Warisan dapat dikaitkan dengan nazam Istiqamah Beramal. Sebagai contoh rangkap nazam istiqamah beramal pada rangkap empat :

Puasa enam pelengkap puasa Ramadan,
Sempurna ibadah ditunaikan biar padan,
Puasa enam tanda amalan tak berhenti,
Istiqamah beramal bererti sehingga mati.

(Nazam Istiqamah beramal,2023:3)

Rangkap nazam di atas dilihat mengenai konsep puasa yang menjadi satu kewajipan yang perlu dituntut dan disempurnakan oleh seluruh umat Islam. Puasa merupakan Rukun Islam yang mewajibkan umat Islam untuk menjalaninya. Puasa membawa maksud perkara yang diperintahkan oleh Allah iaitu dengan menahan lapar dan dahaga serta menjauhi segala laranganNya di Bulan Ramadhan. Antara kelebihan berpuasa di bulan Ramadhan adalah dosa dapat diampunkan oleh Allah, mendapat pahala serta dikabulkan segala hajat. Selain itu, kelebihan berpuasa mampu mengekalkan kesihatan tubuh badan manusia dengan dapat mengatur gaya hidup pemakanan harian dan dapat menyembuhkan penyakit. Puasa juga merupakan amalan yang mendorong umat Islam bagi mendapat sumber ganjaran pahala yang berlipat ganda. Puasa yang diwajibkan ke atas umat Islam adalah selama sebulan. Dalam jangka tempoh itu, umat Islam dapat beramal ibadah dengan bersungguh-sungguh kerana mengetahui akan ganjaran pahala yang diperolehi dengan sentiasa beristiqamah dalam melakukannya. Dengan kedatangan bulan Ramadhan manusia akan sentiasa mengingati untuk melakukan perbuatan yang membawa kepada kebaikan dan mendapat redha daripada Allah.

4.1.2 Nilai Budi

Nilai budi merupakan nilai bersama DAKEN yang menerangkan tentang kehalusan, ketertiban dan ketulusan budi bicara, budi pekerti dan akal budi yang menjadi asas perhubungan antara masyarakat. Budi bahasa mencerminkan diri seseorang individu yang berakhlak mulia dalam menuturkan bicara atau tingkah laku yang beradab. Budi membawa maksud kepada pembentukan akhlak, moral, etika serta perwatakan seseorang individu. Nilai budi yang dilihat terdapat dalam teks Nazam Warisan ialah merangkumi nazam Budi Bahasa. Antara petikan rangkap Nazam Budi Bahasa seperti di bawah :

Budi bahasa cerminan bangsa berwibawa,

Akhlak mulia sifat luhur terpaterti di jiwa,

Berbudi bahasa di tempat kerja janganlah hilang,

Amanah dijaga mutu perkhidmatan cemerlang.

(Nazam Budi Bahasa, 2023:11)

Rangkap di atas membawa maksud mengenai budi bahasa yang perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Budi bahasa memaparkan tentang keperibadian seseorang individu dalam menuturkan bicara serta tingkah laku yang beradab. Budi membawa kepada 2 pendekatan utama iaitu dari aspek etika dan psikologi. Dari aspek etika memaparkan perwatakan manusia serta tingkah laku yang ditunjukkan seperti bersikap sopan santun daripada

perilaku diri seseorang individu. Manakala, dari aspek psikologi dapat dilihat budi lebih menekankan kepada keinginan watak manusia dalam membuat sebarang tindakan yang dapat memberikan kebaikan terhadap kehidupan bermasyarakat dengan menerapkan nilai-nilai murni.

Menurut Lim (2003), budi diterapkan kepada tiga konsep yang terdiri daripada budi pekerti, baik budi dan akal budi yang akhirnya akan dipanggil berbudi bahasa. Budi bahasa membawa maksud mempunyai akhlak yang baik dalam bentuk pemikiran dan tindakan. Sifat berbudi bahasa mencerminkan tamadun masyarakat Melayu dengan kehalusan budi yang ditonjolkan. Sikap berbudi bahasa ini wajar diterapkan dalam diri seseorang individu agar tidak bersikap tidak sopan.

4.1.3 Nilai Muafakat

Nilai bersama dalam DAKEN yang seterusnya adalah nilai muafakat. Muafakat merujuk kepada proses mencapai keputusan, tindakan, dan tanggungjawab bersama. Dalam kalangan masyarakat Malaysia, nilai ini terjelma dalam kehidupan kejiwaan, kerjasama dan gotong-royong. Nilai muafakat yang dapat dilihat dalam teks Nazam Warisan dapat dikaitkan dengan nazam hidup berjiran. Antara contoh rangkap nazam hidup berjiran seperti di bawah :

Tinggal sekampung tinggal setaman elok mengenali,

Mementing diri sikap sombong tidak sekali,

Tolong-menolong ikhlas hati saling bekerjasama,

Program kebajikan dapat dijana bersama-sama,

(Nazam Hidup Berjiran,2023:13)

Rangkap di atas menunjukkan Nazam Hidup Berjiran yang diterapkan bersama nilai muafakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022), jiran membawa maksud

orang yang tinggal berdekatan dengan kediaman rumah kita sama ada bersebelahan rumah, kampung malah juga negara. Jiran juga diantara 40 buah rumah yang berada di sekeliling kediaman kita seperti yang terdapat dalam hadith riwayat Abu Daud telah bersabda Rasulullah s.a.w iaitu :

Maksudnya : “Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga”.

Dalam agama Islam juga telah menekankan supaya menjaga adab sesama manusia terutama sekali dengan jiran tetangga. Kenyataan di dalam al-Quran juga ada menyebut mengenai hubungan sesama manusia yang terdapat dalam surah An-Nisa iaitu;

Maksudnya : Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki.” (An-Nisaa’:36).

Oleh itu, masyarakat perlu memelihara semangat kejiranan agar kekal utuh kearah perpaduan ummah pada hari ini. Bak kata pepatah “bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat” dalam kehidupan berjiran dalam masyarakat. Hal ini disebabkan masyarakat hari ini dilihat kurang berkomunikasi dengan jiran atas sebab kesibukan yang menjadikan perhubungan menjadi renggang.

4.1.4 Nilai Kemuliaan Ilmu

Selain itu, nilai bersama dalam DAKEN ialah nilai kemuliaan ilmu. kemuliaan ilmu merupakan sikap memandang tinggi kepada ilmu yang menjadi asas pembinaan peribadi dan masyarakat. Budaya akhlah (budaya ilmu) digalak, dibina dan dipupuk manakala teknologi terkini diambil dari sudut positif bagi memantapkan kemajuan bangsa. Di dalam teks Nazam Warisan memaparkan nazam amalan membaca yang dilihat berkaitan dengan nilai dalam memandang tinggi terhadap ilmu.

Hai saudara ingat-ingatlah suruhan agama,

Perkasa minda membaca kunci utama

Mari membaca jadikan satu budaya,

Bangsa berilmu semoga terus berjaya.

(Nazam Amalan Memabaca, 2023:33)

Rangkap di atas memaparkan Nazam Amalan Membaca yang dapat diterapkan akan nilai kemuliaan ilmu di dalamnya. Dalam Islam telah ditetapkan bahawa ilmu perlu dituntut agar mempunyai pengetahuan dalam diri manusia. Dalam QS. Al Baqarah ayat 30 hingga 33 menunjukkan kepentingan ilmu bagi manusia dapat untuk berfikir menggunakan kewarasan akal bagi mengembangkan potensi yang diberi anugerah oleh Allah. Ilmu menurut Imam al-Ghazali terbahagi kepada fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain berkaitan dengan ilmu-ilmu perintah dan larangan dalam agama. Manakala, fardu kifayah berkaitan dengan ilmu tentang intelektual dan jasmaniah yang terdiri daripada hasil akal manusia dan pengalaman seperti ahli matematika, astronomi, ekonomi dan sebagainya.

4.1.5 Nilai Kesaksamaan

Seterusnya, nilai bersama dalam DAKEN ialah kesaksamaan. Kesaksamaan merujuk kepada keadilan dalam mengimbangi kehidupan sosioekonomi masyarakat. Nilai kesaksamaan dalam teks Nazam Warisan dapat dilihat menerusi nazam pemimpin sejati. Pemimpin sejati merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjaga manjalankan kekuasaan di dalam sesebuah negara. Antara contoh rangkap yang merujuk kepada nilai kesaksamaan yang terdapat dalam teks Nazam Warisan :

Tegak keadilan pegang teguh akan kebenaran,
Pemimpin berkesan akhlak terpuji jadi sandaran,

Hai pemimpin yang baik jujur dan berakhlak,

Perkara keji perbuatan terlanjur dapat dielak.

(Nazam Pemimpin Sejati, 2023:20)

Rangkap di atas merujuk kepada keadilan yang perlu ada dalam mengekalkan keamanan sesebuah negara. Keadilan yang membawa kepada kejujuran dalam menjalankan tugas dalam pemerintahan merupakan perkara yang diperlukan dalam menjadikan seseorang pemimpin itu disanjung tinggi. Pemimpin merujuk kepada individu yang mampu untuk mempengaruhi sesuatu organisasi. Pemimpin wujud dengan kepimpinannya yang tersendiri dalam organisasi bagi membentuk pencapaian yang cemerlang. Bagi mencapai pada tahap kecemerlangan seorang pemimpin, usaha perlu digiat dilakukan dengan langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan di antara pemimpin dan rakyat.

4.1.6 Nilai Kesejahteraan

Nilai bersama dalam DAKEN yang seterusnya adalah nilai kesejahteraan. Nilai kesejahteraan merujuk kepada kebahagiaan dan keamanan berpanjangan yang dinikmati oleh individu, keluarga dan negara yang berkait rapat dengan pembangunan insan. Tiada lagi timbul perselisihan, peperangan dan perbalahan, sebaliknya perlu disulami keperibadian murni yang akan melahirkan masyarakat sejahtera yang maju, proaktif dan berinovatif. Nilai kesejahteraan yang terdapat berkaitan di dalam Nazam Warisan ialah nazam perpaduan. Nazam perpaduan terdapat contoh rangkap yang boleh diambil berkaitan dengan nilai kesejahteraan seperti di bawah :

Pegang teguh akan prinsip Rukun Negara,
Keharmonian watan tentu akan terpelihara,
Usah sekali nyalakan api perkauman,
Buang sentiment sirnakan prejudis pertiwi aman.

(Nazam Perpaduan, 2023:15)

Rangkap di atas memaparkan prinsip Rukun Negara yang harus menjadi keutamaan dan perlu dipatuhi kepada rakyat di dalam negara Malaysia tanpa sebarang bantahan. Menurut Ridhuan (2010), antara sebab berlakunya perpecahan di antara orang Melayu dan kaum lain adalah disebabkan desakan terhadap hak-hak yang sedia ada dan hak kesamarataan. Peristiwa 13 Mei 1969 menjadikan masyarakat perlu mewujudkan suasana yang harmoni dan aman walaupun mempunyai kepelbagaian kaum di dalam negara. Hal itu menyebabkan konsep 1 Malaysia telah dibentuk bagi terhasilnya perpaduan yang ingin dicapai untuk menjamin kestabilan dan seterusnya dapat membawa negara Malaysia. Dalam konsep 1 Malaysia mempunyai teras-teras perpaduan yang dapat menyatukan rakyat dalam kepelbagaian kaum agar dapat hidup dalam keadaan bersatu padu.

MALAYSIA

KELANTAN

4.1.7 Nilai Kesetiaan

Di samping itu, nilai bersama DAKEN yang seterusnya merupakan nilai kesetiaan. Kesetiaan membawa sifat taat setia, teguh hati, amanah dan patuh, tidak menyanggah dan melanggar arahan. Kesetiaan tidak hanya tertumpu kepada setiakawan sesama insan, malah kesetiaan juga merupakan sifat berbakti dan cinta akan tanah air tanpa berbelah bagi. Nilai kesetiaan yang dapat dikaitkan dalam teks Nazam Warisan terdapat dalam nazam kesetiaan.

Setia rakyat kepada pemimpin misali,
Baru aman hidup berbalah tidak sekali,
Setia warga kepada nusa tercinta,
Tabur bakti bukan Cuma kata-kata.

(Nazam Kesetiaan,2023:31)

Rangkap di atas memaparkan nazam kesetiaan yang dapat dikaitkan dengan nilai kesetiaan yang terdapat dalam 10 nilai bersama DAKEN. Kesetiaan kepada sesebuah negara serta pemimpin harus menjadi satu keutamaan kepada rakyat. Hal ini disebabkan dengan nilai kesetiaan ini dapat membentuk sebuah kepercayaan yang dapat menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak. Dalam konsep kesetiaan kepada pemimpin, wajar rakyat perlu mengikut segala perintah yang telah ditetapkan oleh ketua negara yang menjadi puncak kepimpinan sesebuah negara kecuali yang melanggar batas kesucian agama. Para pemimpin juga perlu mempunyai sikap merendah diri dengan tidak berlagak sombong dan sentiasa menerima pandangan daripada rakyat bagi menjamin kesejahteraan bersama tanpa sebarang pergolakan. Pemimpin juga perlu

meneliti setiap pandangan rakyat agar dapat ditambah baik dari semasa ke semasa bagi membentuk kemajuan dan keamanan sesebuah negara.

4.1.8 Nilai Kejujuran/ Tulus Ikhlas

Nilai kejujuran atau tulus ikhlas membawa maksud kepada kelurusan hati. Kejujuran dan keikhlasan adalah gambaran suatu yang tulus ikhlas yang dilihat melalui bersih, jujur dan suci hati. Sikap ini akan mengenyahkan pertimbangan peribadi, menentang kerakusan dan memurnikan amalan untuk tujuan hidup hakiki. Nilai kejujuran dapat diterapkan bersama dalam nazam kebenaran yang terdapat dalam teks Nazam Warisan.

Kebenaran itu perkara yang betul dan pasti,

Jelas terbukti akui dengan tulus hati.

Janji Allah benar pasti dalam al-Quran,

Dalam tindak dan perbuatan jadikan sandaran.

(Nazam Kebenaran,2023:87)

Rangkap di atas merupakan Nazam Kebenaran yang dapat dikaitkan dengan nilai kejujuran yang terdapat dalam nilai bersama DAKEN. Kebenaran merupakan aspek penting dalam menilai cara pemikiran seseorang dalam bertindak menggunakan ilmu pengetahuan. Kebenaran mempunyai 2 teori yang terdiri daripada teori koherensi yang menyatakan tentang sebuah

penyataan akan kelihatan benar jika pernyataan sebelumnya diulang secara konsisten atau koheren dengan keterangan yang benar pada awalnya. Sebagai contoh, “semua manusia akan mati” adalah suatu kenyataan yang benar maka pada kenyataan kedua mestilah konsisten iaitu “si Polan adalah seorang manusia maka si Polan pasti akan mati”.

4.1.9 Nilai Keindahan

Nilai keindahan membawa maksud kesedaran tentang kesempurnaan alam ciptaan Tuhan yang telah mengilhamkan segala bentuk karya seni, tindakan dan pemikiran manusia. Keindahan menjadi elemen penting dalam merancang pembangunan sosioekonomi secara mengekalkan keaslian, tidak mencemar, merosak dan memusnahkan alam semula jadi. Nilai keindahan ini dapat dianalisis dengan menekankan rangkap nazam pemeliharaan alam yang terdapat di dalam teks Nazam Warisan.

Alam sekitar anugerah berharga mesti pelihara,

Segar udara rasa selesa nikmatnya tidak terkira.

Indahnya alam kekal dijaga tak dicemari,

Tentu musibah tak menimpa kepada diri.

(Nazam Pemeliharaan Alam,2023:63)

Rangkap di atas menunjukkan Nazam Pemeliharaan Alam yang diterapkan bersama nilai keindahan yang terdapat dalam nilai bersama DAKEN. Menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia (1974), alam sekitar atau persekitaran merupakan faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia antaranya seperti tanah, udara, air, iklim, bau, bunyi serta faktor-faktor biologi dan faktor sosial. Manusia memerlukan sumber alam yang bersih bagi menjamin kehidupan yang sihat. Sebagai contoh dari segi tanah, ia perlu mempunyai tanah yang subur bagi kegiatan pertanian tumbuh-tumbuhan untuk hidup dalam keadaan segar. Dari segi udara pula memerlukan pengudaran yang bersih agar dapat alam sekitar dari sudut pandangan Islam menerapkan nilai bersyukur dan menghargai perlu ada dalam kalangan manusia dengan kurniaan Allah SWT.

4.1.10 Nilai Kebersihan

Nilai kebersihan merujuk kepada amalan murni dan persekitaran yang terjaga, indah, tersusun dan sistematik yang mewujudkan suasana harmoni dan tenang. Kebersihan dari perspektif lebih mendalam ialah berkaitan dengan jiwa bersih, berintegriti dan mengamalkan nilai-nilai murni. Nilai kebersihan yang terdapat dalam DAKEN dapat dikaitkan dengan nazam membudayakan kebersihan yang terdapat dalam teks Nazam Warisan. Antara contoh rangkap nazam membudayakan kebersihan seperti di bawah :

Tubuh badan mesti bersih bebas kekotoran,

Ambil berat hal kesihatan elok gambaran,

Hati bersih sifat mazmumah dihindari,

Pasti tenang hidup kita setiap hari,

(Nazam membudayakan kebersihan,2023:62)

Rangkap di atas merupakan Nazam Membudayakan kebersihan yang dapat dikaitkan dengan nilai kebersihan yang terdapat dalam nilai bersama DAKEN. Kebersihan merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dalam membentuk keperibadian yang seseorang serta kemajuan sesebuah negara. Kebersihan merangkumi pelbagai antaranya individu, masyarakat serta alam sekitar. Amalan membudayakan kebersihan juga dituntut dan menjadi ajaran dalam Islam kepada umat manusia.

4.2 Menganalisis perspektif kepelbagaian tema dalam Nazam Warisan.

4.2.1 Tema Keagamaan

Nazam ialah puisi yang dilihat lebih menekankan kepada tema keagamaan dengan hukum hakam dan kisah kehidupan nabi. Nazam selalunya akan dimulakan dengan puji- pujian ke atas Allah dan selawat ke atas nabi. Jika dilihat di dalam teks Nazam Warisan terdapat tema yang dikaitkan dengan keagamaan seperti nazam sifat mukmin, nazam ketakwaan, nazam Istiqamah Beramal, Nazam Hidup di Dunia, Nazam Muhasabah dan sebagainya.

Daripada aspek kerohanian juga dapat dilihat teks Nazam Warisan juga menekankan kepada aspek tema keindahan berpuasa iaitu Nazam Menyambut Ramadan, Nazam Hikmah Bepuasa, Nazam Amalan di Bulan Ramadan dan Nazam Sepuluh Terakhir Ramadan. Hal ini dapat dilihat bulan Ramadan merupakan bulan yang sangat dimuliakan. Selain itu, hari selepas kemenangan umat Islam dalam ibadat berpuasa adalah sambutan perayaan hari raya aidilfitri yang akan disambut bagi mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah. Selaras dengan maksud dari firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 185:

“... Allah menghemdaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak mengehendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan berpuasa), dan supaya kamu bertakbir (membesarkan) Allah kerana mendapat pentunjukNya, dan supaya kamu bersyukur”.

Seterusnya, dalam teks Nazam Warisan juga menekankan kepada Nazam Menjelang Aidilfitri, Nazam Syawal Mulia serta Nazam Aidiladha. Menurut

Khairulnizam et al., (2014) menyatakan antara permasalahan yang kerap kali berlaku di Malaysia adalah daripada isu kefahaman agama serta adat resam sesebuah kaum. Hal ini dilihat kaum Melayu telah mendominasi setiap perayaan yang ada antaranya seperti hari raya aidilfitri, hari raya aidiladha dan termasuk juga sambutan maulidur rasul. Dari segi perayaan aidilfitri membawa maksud kepada kembali kepada fitrah terhadap kesucian kepada umat Islam atas kesabaran dalam melawan hawa nafsu dengan memberikan ganjaran kepada manusia.

4.2.2 Tema kepimpinan

Namun begitu, terdapat juga tema yang menekankan dalam kepimpinan pentadbiran sesebuah negara seperti Nazam pemimpin sejati, Nazam Suara Rakyat, Nazam Perpaduan dan Nazam Belia Jaya. Dalam pentadbiran sesebuah negara, ia memerlukan proses pelaksanaan yang dilakukan ke atas dasar-dasar yang telah ditetapkan bagi tujuan mencapai objektif kerajaan. Di Malaysia, pentadbiran telah mengamalkan sistem demokrasi ke atas sudut pemerintahan atau politik negara dengan mempunyai hak bersuara kepada rakyat bagi memilih pemimpin yang bertanggungjawab dan berwibawa melalui sistem pilihanraya. Menurut Kenegaraan Malaysia (1988), sistem merupakan set komponen yang saling berkaitan serta berfungsi bagi mencapai sesebuah matlamat. Hal ini melalui konsep 1 Malaysia yang telah dibentuk bagi menerapkan teras perpaduan di antara masyarakat pelbagai kaum telah dipergiatkan bagi membentuk keamanan sesebuah negara yang bersatu padu.

4.2.3 Tema Keilmuan

Selain itu, kepelbagaian tema dalam nazam juga boleh dilihat daripada tema kejayaan dalam pelajaran menerusi Nazam Pesan Menjelang Peperiksaan, Nazam Murid Berjaya, Nazam Amalan Membaca. Ilmu merupakan cara seseorang dalam berfikir dengan bersumberkan ilmu pengetahuan bagi membuat sesuatu keputusan yang logik dan relevan untuk menyelesaikan permasalahan yang sedia ada. Seperti yang kita tahu, bidang ilmu serba sedikit telah memberi

perubahan kepada manusia antaranya dapat mengatasi kelaparan, membanteras penyakit dan kemiskinan namun tanggungjawab ilmu dalam mempelajarinya seterusnya berfungsi dalam kehidupan masyarakat perlu mempunyai tanggungjawab agar dapat digunakan dengan sebaiknya. Hal ini dapat dilihat masyarakat hari ini lebih menggemari dalam bentuk hiburan berbanding menuntut ilmu terutama kepada generasi muda. Melalui penerapan ilmu pengetahuan, ia dapat memacu sesebuah negara kearah kemajuan dengan dapat “berdiri sama tinggi, duduk sama rendah” agar sama taraf dengan taraf pendidikan luar negara supaya dapat melahirkan golongan masyarakat berminda kelas pertama.

4.2.4 Tema Nilai

Di samping itu, kepelbagaian tema juga dapat dilihat menerusi aspek nilai-nilai murni iaitu merangkumi Nazam Budi, Nazam Kasih Sayang, Nazam Menepati Janji, Nazam Kebenaran dan Nazam Membudayakan Kebersihan. Menurut Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Halim Ahmad (1987), masyarakat Malaysia terdiri daripada kepelbagaian budaya dan agama yang menekankan kepada aspek moral, akhlak, kemanusiaan serta pemuliharaan alam. Aspek nilai-nilai murni pada masyarakat Malaysia sangat tinggi akan nilainya sehingga mampu untuk membentuk kehidupan yang harmoni, aman dan tenteram dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Masyarakat Melayu mempunyai nilai murninya yang tersendiri iaitu kaya dengan budi bahasa dalam pertuturan serta sopan dengan tingkah laku. Sebagai contoh yang terdapat dalam pantun mengenai masyarakat Melayu ;

Yang merah itu saga,

Yang lorek itu kendi,

Yang indah itu bahasa,

Yang elok itu budi.

Pisang emas dibawa belayar,

Masak sebiji di atas peti,

Hutang emas boleh di bayar,

Hutang budi di bawa mati.

Pantun di atas memaparkan kehalusan budi yang digunakan dalam masyarakat Melayu bagi membentuk jati diri dan keperibadian masyarakat Melayu dalam membentuk sahsiah yang baik, berakhlak, beragama serta berbudi. Pembentukan sahsiah yang baik ini dapat dipupuk apabila pelbagai pihak antaranya seperti ibu bapa, masyarakat serta pemimpin memainkan tanggungjawab dalam membentuk usaha kearah perubahan kepada generasi yang akan datang. Menurut pandangan Dr. Sidiq Fadhil menyatakan tentang jati diri masyarakat Melayu terdiri daripada dua iaitu budaya dan agama.

Manakala, nilai-nilai murni dalam masyarakat cina pula dengan mempunyai kepercayaan terhadap nenek moyang, langit serta animisme iaitu pemujaan terhadap binatang, tanaman dan alam semulajadi. Bagi masyarakat cina, konsep kepercayaan dilihat menjadi faktor utama berbanding konsep ketuhanan. Hal ini mereka menganggap konsep kepercayaan ini telah

diamalkan sejak turun temurun lagi dan mampu membawa kepada kesejahteraan, kemakmuran, kekayaan dan kebahagiaan. Selain itu, masyarakat cina juga mengambil berat akan kepentingan terhadap hubungan sesama manusia. Mereka menganggap manusia mempunyai keunggulan dalam memainkan peranan penting dalam kehidupan di alam semesta. Menurut Soo Khin Wah dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia UM (2002: 310-311) menyatakan nilai-nilai dapat dibentuk melalui pendirian falsafah dan etika yang menekankan nilai dan tindakan manusia seperti moral sebagai ideologi, hubungan manusia dan alam semesta, mementingkan institusi keluarga, pendidikan diberik keutamaan serta keharmonian merupakan nilai utama. Jelaslah, masyarakat cina mengangkat tinggi akan individu yang berakhlak mulia.

Pandangan masyarakat India pula dalam telah menitikberatkan mengenai kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga mereka. Aspek utama dalam dalam sistem keluarga yang dipelihara dalam kalangan masyarakat India iaitu ashrama dharma (tahap yang harus dilalui oleh manusia) dan purusartha (objektif mulia perlu ada pada setiap insan) antaranya :

- i. Aram atau dharma – objektif utama iaitu diperolehi melalui pendidikan yang bersifat kerohanian dengan menekankan aspek moral dan etika.
- ii. Porul atau artha – Individu yang bekerja perlu mencari kerja untuk mengumpul kekayaan dari sumber halal.
- iii. Inbam atau Kama – menikmati hasil kekayaan dan sumber rezeki bekerja berlandaskan etika dan moral dengan memberi makan kepada ahli keluarga.
- iv. Vidu atau moksha – mengenai kebebasan kerohanian di mana golongan tua dapat mengatasi hawa nafsu dan keinginan mereka terhadap perkara duniawi. Justeru mereka mereka melakukan kerja amal sambil menyebarkan agama.

Jelaslah, masyarakat India telah menekankan kehidupan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Selain itu juga sekiranya mereka memenuhi segala pengamalan tersebut menjadikan mereka diangkat kepada darjat yang tinggi dan sekiranya tidak memenuhi mereka akan dilahirkan darjat yang rendah. Menurut Esa Khalid dan Mohd Azhar Abd Hamid (2004: 360) menyatakan proses ini akan sentiasa berterusan dengan melakukan kebaikan sehingga seseorang individu membebaskan rohnya daripada kelahiran semula.

Secara keseluruhannya, masyarakat berbilang bangsa amat menekankan nilai- nilai murni. Masyarakat Malaysia mempunyai etnik yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang mengamalkan kebudayaan, agama, adat resam dan bahasa. Kebudayaan masyarakat walaupun berbeza namun keperibadian dan jati diri sentiasa dibentuk ke arah lebih baik.

BAB 5 : RUMUSAN

5.0 Pengenalan

Pada bahagian bab 5 ini, pengkaji merumuskan hasil daripada kajian dan penelitian yang dilakukan terhadap nilai-nilai yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara dan kepelbagaian tema yang terdapat dalam teks Nazam Warisan karya Nazim Subari. Selain itu, pengkaji juga menyelitkan kesan atau implikasi yang diperolehi melalui topik yang dikaji serta mengemukakan cadangan yang terdapat daripada hasil kajian yang telah dilakukan.

5.1 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian yang dihasilkan dengan meneliti dan melakukan analisis berkenaan penganalisan nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara yang diterapkan dalam teks Nazam Warisan karya Nazim Subari telah membuktikan setiap objektif berjaya dicapai. Karya Nazam Warisan yang telah dikaryakan oleh Nazim Subari ini membuktikan bahawa terdapat kepelbagaian tema yang dapat diterapkan bersama dengan nilai Dasar Kebudayaan Negara. Kajian ini membolehkan pengkaji menjadikan karya sastera puisi tradisional Melayu iaitu

melalui nazam ini sebagai satu medium untuk mendidik melalui nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara yang telah diterapkan bersama.

5.2 Implikasi kajian

Bahagian ini akan menegaskan implikasi yang diperolehi berdasarkan penganalisan terhadap hasil dapatan kajian yang telah dilakukan. Berdasarkan kajian dan analisis nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara dilihat dapat dibuktikan dengan penerapan ke dalam teks Nazam Warisan. Nilai bersama yang diketengahkan dan diterapkan dalam teks Nazam Warisan tersebut secara tidak langsung mampu menjadi medium kepada pembaca untuk mengambil iktibar dan menerapkan nilai bersama tersebut dalam kehidupan seharian sekaligus dapat membentuk pembentukan peradaban yang unggul.

Selain itu, implikasi kajian ini dapat memberikan kesan kepada pengkaji. Pengkajian terhadap nilai bersama dalam DAKEN dapat membantu pengkaji dalam memahami bidang Kesusasteraan Melayu terutamanya dalam puisi Melayu tradisional seperti Nazam. Hal ini kerana, pengkaji akan mencari pelbagai maklumat dan memperolehi pengetahuan tentang bentuk, ciri-ciri dan fungsi Nazam sekali gus menggalakkan pengkaji untuk terus memahami Nazam melalui penyampaian setiap bait yang mengandungi nilai, nasihat dan pengajaran serta dapat mengangkat isu-isu semasa.

5.3 Cadangan kajian

Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dapat menjadi sumber dalam pembentukan akhlak. Kajian terhadap nilai bersama dalam DAKEN diterapkan dalam teks nazam memperlihatkan keberkesanan untuk terus diperkembangkan kepada khlayak pembaca pada masa kini. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan agar dapat memelihara puisi melayu tradisional khususnya nazam melalui penerapan nilai bersama DAKEN.

i. Peranan individu

Menerusi nilai bersama dalam Dasar Kebudayaan Negara menggambarkan usaha yang dapat menjadikan seseorang individu mempunyai jati diri yang mulia berlandaskan nilai yang terkandung dalam DAKEN dan teks Nazam Warisan dengan menerapkan unsur nasihat dan pengajaran.

ii. Peranan masyarakat

Dalam aspek masyarakat pula, dengan pengenalan kepada nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara masyarakat akan dapat mengetahui akan nilai bersama DAKEN yang harus diterapkan dalam kehidupan masyarakat seperti aspek nilai-nilai murni, nasihat dan pengajaran yang berguna kepada pembangunan sahsiah masyarakat hari ini.

iii. Peranan institusi

Peranan dalam bidang Kesusasteraan Melayu di institusi perlu diperluaskan lagi menerusi pembelajaran dalam puisi tradisional melayu seperti nazam. Hal ini dilihat, bidang sastera semakin kurang mendapat tumpuan dalam bidang pendidikan di

universiti malah diganti dengan bidang sains dan teknologi. Oleh itu, dengan adanya bidang sastera ini membolehkan bidang pendidikan dapat memperluaskan karya-karya yang berunsurkan penulisan sastera.

5.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dijalankan berdasarkan puisi Melayu tradisional melalui teks Nazam Warisan yang menerapkan nilai bersama menrusi Dasar Kebudayaan Negara memaparkan 10 nilai bersama di bawah teras nilai budaya tinggi merangkumi kerohanian, budi, muafakat, kemuliaan ilmu, kesaksamaan, kesejahteraan, kesetiaan, kejujuran, keindahan dan kebersihan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa masyarakat Melayu sememangnya diperkaya dengan aspek nilai, nasihat dan pengajaran yang mampu menjadi wadah pembentukan keperibadian akhlak yang baik. Justeru itu juga, dengan harapan agar nilai-nilai bersama dalam DAKEN ini dapat dipraktikkan oleh individu dan masyarakat agar dapat melahirkan manusia yang berakhlak mulia sekali gus dapat membina sebuah peradaban yang unggul. Pengkaji juga berharap agar karya-karyanya sastera khususnya puisi melayu tradisional seperti nazam terus diangkat dan dipelihara agar tidak ditelan zaman.

RUJUKAN

- Mohd, Ali. Bachik (2005). Nazam. Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Abdul, Latif. Abu. Bakar (2013). Puisi Nazam Melaka. Jurnal Peradaban Melayu, 8, 61 - 87.
- Hendra, Kasmi (2019). NILAI-NILAI RELIGI DALAM NAZAM ACEH. Jurnal Metamorfosa, 7(1), 31-36.
- Yuyun, Sri. Wahyuni (2018). Nazam Qusyasyi (Tarekat Syattariyah Ulakan): Suntingan Teks dan Analisis Isi. UMMI: Jurnal Penelitian dan Pengembangan Sains dan teknologi, 12(3), 17-28.
- Bachik, M. A. (2005). Nazam. Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Bakar, A. L. A. (2012). Jati diri dan patriotisme berpaksikan sejarah, perlembagaan dan dasar kerjajaan. Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia, 1-34.
- Deraman, A. A. (2012). Warisan budaya dalam konteks 1Malaysia. Isi Kandungan, 109.
- Deraman, A. (1978). Beberapa aspek pembangunan kebudayaan kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Kasmi, H. (2019). NILAI-NILAI RELIGI DALAM NAZAM ACEH. Jurnal Metamorfosa, 7(1), 31-36.
- Lukmanulhakim, N. N. (2020). Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. Jurnal Peradaban Melayu, 15, 1-9.

- Nurrahmah, N., & Sadri, Z. (2020). Karakteristik dan Makna Nazam Karangan Ulama Aceh di Kabupaten Bireuen. *Jurnal Dedikasi Pendidikan*, 4(2), 415-423.
- Nofrizal, N., & Yudha, G. (2021). NASIHAT-NASIHAT KEHIDUPAN: KAJIAN FILOLOGIS DAN HERMENEUTIKA TERHADAP NASKAH NAZAM NASIHAT KEHIDUPAN. *Jurnal Tapis: Jurnal Teropong Aspirasi Politik Islam*, 17(2), 99-115.
- Pascasiswazah, C. KEBUDAYAAN NASIONAL INDONESIA DAN MALAYSIA: GAGASAN, TERAPAN DAN BANDINGANNYA.
- Ramli, M. A., & Jamaludin, M. A. (2011). Uruf majmuk: Konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 8, 45-64.
- Shomary, S. (2016). Nazam Limo Koto Kampar Riau: Identifikasi, Manuskrip, dan Pertunjukan. *GERAM (Gerakan Aktif Menulis)*, 4(3), 1-10.
- Shahidi, A. H., Shabri, M. S., Aman, R., Ismail, R., & Kechot, A. S. (2021). Kefahaman masyarakat kepulauan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan (The archipelago community's understanding of the National Cultural Policy). *Geografia*, 17(2).
- Wahyuni, Y. S. (2018). Nazam Qusyasyi (Tarekat Syattariyah Ulakan): Suntingan Teks dan Analisis Isi. *UMMI: Jurnal Penelitian dan Pengembangan Sains dan teknologi*, 12(3), 17-28.
- Wati, W. D. (2012). Syair "Nazam Usiat": Gaya Bahasa dan Isi. *Jurnal Elektronik WACANA ETNIK*, 3(1), 115-142.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.

- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Leoni, T. D., & Indrayatti, W. (2018). Folklor Kepercayaan Rakyat Masyarakat Melayu Di Kabupaten Bintan. *Jurnal Kiprah*, 6(2), 8-16.
- Sukmadinata, S. N. (2005). *Metode penelitian*. Bandung: PT remaja rosdakarya.
- Tahajuddin, S. B., Kassim, A. W. M., Justine, J., & Ibrahim, I. S. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35-48.
- Subrata, S. A., & Dewi, M. V. (2017). Puasa Ramadhan dalam Perspektif Kesehatan: Literatur Review. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 15(2), 241-262.
- Azaman, F. N. M., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-Nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali (Spiritual Values in Human Capital Development by Al-Ghazali). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1).
- Bakar, H. A., & Idros, S. N. S. (2007). Pemeliharaan alam Tabii bersumberkan pengetahuan Islam. *Pendidikan Sains*, 7(1), 31-44.
- Estuningtyas, R. D. (2018). Ilmu dalam Perspektif al-Qur'an. *Qof*, 2(2), 203-216.
- Malik, A. (2015). NILAI-NILAI BUDI PEKERTI DALAM KARYA RAJA ALI HAJI: Courtesy Values in the Work of Raja Ali Haji. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 96- 107.
- Mahidin, M. I. B., Rusman, M. M. A. B. M., Azlan, A. A. B., & bin Syed Hassan, S. N. (2023). Kehidupan Berjiran berdasarkan Al-Quran dan Hadis.

- Meerangani, K. A., Razak, A. Q. A., & Noor, M. M. Peranan Prinsip Rukun Negara dalam Pembentukan Bangsa Malaysia. *Islam Dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, 47.
- Nurdin, F. (2014). Kebenaran menurut pragmatisme dan tanggapannya terhadap islam. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 13(2), 184-200.
- Ramli, R. (2020). KESAHAN KONSTRUK ITEM KAJIAN EMOSI KOMUNIKATOR, DAN BUDI BAHASA KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA. *Asian People Journal (APJ)*, 3(SI1), 33-40.
- Rahman, M. M. A. (1997). Kebersihan Alam Sekitar Mengikut Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 6, 175-186.
- Hussain, T. P. R. S., & Muttalib, I. A. (2016). Kajian sikap rakyat Malaysia terhadap kesetiaan kepada negara. *Journal of Techno-Social*, 8(2).
- Hanafi, F., & Ismail, M. Z. (2006). Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.